

28/06/1998

Tanggungjawab bersama menangani kegawatan

A Nazri Abdullah

PERHIMPUNAN Agung Umno sudah selesai meninggalkan pelbagai pengalaman dan pengajaran untuk direnungi dan dihayati. Segala pandangan, teguran dan rasa tidak puas hati yang diluahkan perwakilannya sudah dijawab dan dijelaskan oleh pucuk pimpinan parti dengan panjang lebar, khususnya Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rombakan kecil kabinet juga sudah dilakukan dengan melantik Penasihat Ekonomi Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Dengan Tugas-Tugas Khas Di Jabatan Perdana Menteri dan Tan Sri Kasitah Gadam sebagai Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi.

Maka tidak siapa lagi yang seharusnya gundah gulana dan terbuku di hati, kerana semuanya mesti sepakat memperkuat parti menghadapi cabaran kegawatan ekonomi. Buktikan sokongan padu kepada Presiden parti dengan berhenti bercakap soal-soal politik kerana semua tenaga dan otak perlu diperah dan digembleng untuk memulihkan ekonomi. Soal martabat, maruah bangsa dan kepentingan ekonomi Melayu dan Bumiputera tidak akan terbela jika ahli Umno gemar berbicara tetapi malas bekerja. Kini bukanlah masanya untuk mencari salah siapa tetapi berpakat menyokong apa saja langkah pucuk pimpinan parti melaksanakan program pemulihan ekonomi.

Semua pihak mengalu-alukan kepulangan Tun Daim ke Kabinet. Pengalaman beliau menangani krisis ekonomi pertengahan tahun 80-an tentulah amat berguna ketika ini. Usahlah membuat apa-apa telahan politik kerana keputusan Dr Mahathir melantik Daim semata-mata mencari persepakatan menangani permasalahan ekonomi.

Kalau dulu mungkin wujud perbezaan pendapat dan cara di antara Daim dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam mencari formula pemulihan, kini dengan kedua-duanya menganggotai Kabinet maka soal perbezaan pendapat tidak akan wujud lagi.

Segala-galanya akan dibincang dan diputuskan di Kabinet dan apabila keputusan disepakati maka semua pihak mestilah menyokongnya. Kita harap selepas ini tidak akan kedengaran lagi cakap-cakap songsang yang boleh menjejaskan keyakinan pelabur dalam dan luar negara terhadap langkah kerajaan memulihkan ekonomi.

Kepada kembiri politik yang gemar melihat perpecahan parti dengan menabur cerita akan berlaku perebutan pucuk pimpinan, kita ingin menegaskan di sini bahawa janganlah merendahkan kebijaksanaan dan kewibawaan pemimpin kita. Tidak pernah berlaku dalam sejarah Umno Timbalan Presiden mencabar Presiden kerana ini bukanlah budaya Umno.

Anwar adalah kroni Dr Mahathir yang paling utama kerana hubungan mereka berputik ketika Anwar masih di kampus lagi. Dr Mahathir membawa Anwar ke dalam Umno mendidik dan membimbingnya sehingga Anwar menjadi Timbalannya.

Dr Mahathir sudah berulang kali menyatakan secara terbuka bahawa Anwar adalah penggantinya dan Anwar juga sudah berulang kali menyatakan kesetiaannya dan tidak pernah terbayang di hatinya untuk mencabar kerusi Presiden.

Ahli Umno yang waras tentulah dapat memahami betapa parah dan musnahnya parti kalau Timbalan melawan Presiden.

Siapa menang atau kalah pun tidak ada faedahnya kepada perjuangan Umno dan orang Melayu kerana perpecahan akibat Timbalan melawan Presiden tentulah lebih parah daripada perpecahan tahun 1987. Sebab itulah kita katakan jangan merendahkan kebijaksanaan pucuk pimpinan kerana kedua-dua mereka pernah menghadapi pahit maung menyatukan semula parti akibat krisis

Umno 1987.

Kalau perpecahan Umno ketika ekonomi kuat dan kukuh mengambil masa hampir sepuluh tahun untuk menyatukan semula parti, bayangkan betapa parahnya jika Umno menghadapi krisis ketika ekonomi meleset.

Kita harap ahli Umno tidak cepat membuat kesimpulan jika ada perbezaan pandangan di antara Perdana Menteri dan Timbalannya atau menteri-menteri lain. Kepemimpinan terbuka Dr Mahathir membenarkan wujud perbezaan pandangan, kerana perbezaan pandangan adalah sebahagian daripada proses untuk mencapai keputusan yang lebih objektif.

Kalau kita melihat ini dari sudut positif, ia adalah bukti kesuburan amalan demokrasi dan betapa liberalnya kepemimpinan Dr Mahathir. Bagaimanapun apabila sesuatu keputusan sudah dibuat oleh Kabinet maka semua pihak mestilah menyokong dan pandangan peribadi tidak diperlukan lagi.

Sistem pentadbiran kita jauh berbeza daripada Indonesia yang ditadbir melalui dikri Presiden. Tidak ada mesyuarat mingguan Kabinet di Indonesia dan pernah seorang menteri bersungut terpaksa menunggu enam bulan untuk berjumpa Presiden. Jadi janganlah samakan kita dengan Indonesia.

Kita mempunyai Kabinet yang dianggotai menteri yang dipilih rakyat dan semua menteri bebas menyuarakan pandangannya kepada Perdana Menteri.

Hanya menteri yang tidak mempunyai kekuatan dan keyakinan diri saja takut menyuarakan pendapatnya kepada ketua dan mereka seperti inilah yang selalunya gemar bercakap di luar. Dalam mana-mana organisasi pun, mesyuarat adalah tempat untuk berbincang, memberi pandangan dan berhujah, tetapi apabila keputusan dicapai semua pihak mestilah menghormati dan menyokongnya. Inilah yang dipanggil tanggungjawab bersama.

(END)